

UNTUK SIARAN SEGERA



HRD CORP MELANTIK DR. SYED ALWI MOHAMED SULTAN SEBAGAI KETUA EKSEKUTIF BAHARU

KUALA LUMPUR, 21 Julai 2025 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) mengumumkan pelantikan Dr. Syed Alwi Mohamed Sultan, 51, sebagai Ketua Eksekutif baharu berkuat kuasa pada hari ini, 21 Julai 2025.

Dr. Syed Alwi memiliki lebih 27 tahun pengalaman dalam kepimpinan strategik merentas sektor perkhidmatan kewangan, teknologi perbankan dan perundingan pengurusan. Sepanjang kerjayanya, beliau telah berjaya memacu pertumbuhan organisasi, memperkukuh institusi kewangan serta memperkenalkan penyelesaian inovatif dan berfokuskan masa depan yang sejajar dengan strategi kewangan jangka panjang bagi memberikan impak yang mampan.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan BNP Paribas Malaysia Berhad (Perbankan Islam), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMPSA Holdings Sdn. Bhd. Sepanjang kerjayanya, Dr. Syed Alwi juga turut menyandang beberapa jawatan kanan di institusi kewangan terkemuka peringkat global dan serantau serta memainkan peranan penting dalam mencapai kecermelangan operasi secara pantas serta meningkatkan nilai kepada pihak berkepentingan. Antara pelantikan utama beliau termasuk di Standard Chartered Saadiq, The Islamic Bank of Asia (Singapura), HL Bank (Singapura) dan MRANTI Corporation.

Dr. Syed Alwi berkelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Kewangan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di mana beliau menerima Anugerah Rektor. Beliau juga turut memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) kelas pertama dalam Kewangan Islam dari UIAM dan menamatkan Program Fintech Oxford di Saïd Business School, University of Oxford.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sepanjang perkhidmatannya, Dr. Syed Alwi telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh prestasi operasi dan mencipta nilai kepada pihak berkepentingan, sekaligus menerima pengiktirafan atas sumbangannya dalam transformasi korporat.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.